

# KONSEP MUDARABAH MENURUT SYEIKH DAUD AL-FATANI

*Hadenan bin Toupek*

Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan  
Jabatan Agama Islam Sarawak, Jalan Satok, 93400 Kuching, Sarawak

**Abstract:** *This paper explores the view of Syeikh Daud Al-Fatani (1131-1265H/1718-1847M) with respect to the mudarabah concept as discussed in his book Furu' al-Masa'il (1254-1257H/1838-1841M) and specifically referred to in a title Kitab al-Qirad. This paper talks about the definition and understanding of mudarabah concept, in addition to talk about the conditions of six principles of mudarabah comprising financier, entrepreneur or worker, property or capital, effort or work, sighah ijab and qabul and profit sharing. Furthermore, a topic pertaining to the cancellation of mudarabah contract and claims back of mudarabah capital asset are also discussed. This paper is a library research using content analysis method for analysing data. At the same time, a comparative analysis with the authentic view of Shafi'i scholars is also applied. The finding of this research shows that the view of Syeikh Daud Al-Fatani pertaining to the mudarabah concept is within the scope of al-shafi'i fiqh discussion. Furthermore, the mudarabah concept which is mentioned in Furu' al-Masa'il book is also still relevant and applicable in Islamic banking and finance from the past, present and future.*

**Keywords:** *mudarabah, al-Masa'il, Syeikh Daud Al-Fatani.*

**Abstrak:** Makalah ini membahas pandangan Syeikh Daud Al-Fatani (1131-1265H/1718-1847M) sehubungan dengan konsep mudarabah seperti yang dibahas dalam bukunya Furu' al-Masa'il (1254-1257H/1838-1841M) dan secara khusus disebut dalam judul Kitab al-Qirad. Makalah ini berbicara tentang definisi dan pemahaman tentang konsep mudarabah, selain untuk berbicara tentang kondisi enam prinsip mudarabah terdiri pemodal, pengusaha atau pekerja, kekayaan atau modal, usaha atau bekerja, sighat ijab qabul dan dan bagi hasil. Selain itu, topik yang berkaitan dengan pembatalan kontrak mudarabah dan mengklaim kembali aset modal mudarabah juga dibahas. Tulisan ini merupakan penelitian kepustakaan dengan menggunakan metode analisis isi untuk menganalisis data. Pada saat yang sama, analisis komparatif dengan pandangan otentik Mazhab Syafi'i juga diterapkan. Temuan penelitian ini menunjukkan bahwa pandangan Syeikh Daud Al-Fatani berkaitan dengan konsep mudarabah adalah dalam lingkup pembahasan fiqh al-Syafi'i. Selain itu, konsep mudarabah yang disebutkan dalam buku al-Masa'il Furu' juga masih relevan dan berlaku di perbankan dan keuangan Islam dari masa lalu, sekarang dan masa depan.

**Kata Kunci:** mudarabah, al-Masa'il, Syeikh Daud Al-Fatani.

## Pendahuluan

Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani (1131-1265H/1718-1847M) merupakan antara tokoh pemikir Islam yang teragung di Nusantara ini yang pernah

mengharumkan nama bangsa Melayu di kalangan negara-negara Islam hingga ke saat ini. Beliau merupakan ulama kitab teristimewa dan sering dianggap sebagai pelopor penulisan kitab-kitab Jawi pada sepanjang abad ke 19M. Sebagai penulis yang prolifik pembabitannya dalam penulisan dianggap yang paling produktif dalam menghasilkan kitab-kitab Jawi dalam pelbagai disiplin keilmuan Islam seperti tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya, yang antaranya masih lagi diterbitkan hingga ke hari ini dan menjadi rujukan dan kajian para ulama, ilmunan, penyelidik, pelajar dan sebagainya.

Sehubungan itu, tulisan ini berhasrat bukan sahaja mengenali ketokohan ilmunan ini tetapi juga mengemukakan suatu analisis ilmiah mengenai pandangan beliau terhadap konsep *mudarabah* sebagaimana yang dibincangkan dalam kitabnya *Furu' al-Masa'il*. Sebelum itu, tulisan ini terlebih dahulu memperkenalkan secara ringkas mengenai biodata pengarang kitab dan latar belakang kitab.

### **Sekilas Tentang Syeikh Daud al-Fatani dan Kitab *Furu' al-Masa'il***

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik bin Tok Wan Abu Bakr bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali sebagai “Tok Syeikh Daud Fatani”. Beliau juga mendapat gelaran-gelaran lain seperti “*al-'Alim al-'Allamah al-'Arif al-Rabbani*”, “Syeikh Daud Waliullah”, “Syeikh Daud Keramat” dan “Syeikh Daud Pengarang Kitab”.<sup>1</sup>

Beliau dilahirkan di Kampung Kerisik berasaskan hujah yang merujuk kepada syair yang ditulis oleh Haji Muhammad Hussain bin Abdul Latif al-Fataniy, pada kitab *Hidayat al-Muta'allim wa 'Umdat al-Mu'allim* iaitu: “*Fatani yang masyhur negeri muallifnya; kampungnya itu Keresik yang hampir sungainya.*” Dalam menentukan tahun kelahiran beliau, para penyelidik mempunyai beberapa pendapat sama ada 1133H/1720M atau 1553H/1740M atau

---

<sup>1</sup> Hadenan Towpek, “Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani”, Dalam *Furu' Al-Masa'il Dengan Tumpuan Kepada Rubu' Al-Mu'amalat*, *The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)*, pada 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang, hlm. 3-4.

1183H/1769M. Namun hujah yang lebih kuat berpandukan kepada Tuan Guru Haji Abdul Hamid bin Abdul Qadir al-Sanawiy dalam bukunya *Risalah Bahasan Niat Sembahyang* telah menyimpulkan bahawa beliau telah dilahirkan pada tahun 1131H/1718M.

Beliau mendapat pendidikan awal daripada keluarga sendiri iaitu daripada bapa dan datuknya, serta berkesempatan berguru dengan ulama-ulama setempat yang datang dari Timur Tengah atau Yaman. Kemudian, beliau juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz. Beliau belajar di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama 5 tahun. Beliau wafat di Ta'if pada tahun 1265H/1847M berdasarkan salah satu catatan keluarganya.

Sementara kitab ini pula, judul penuhnya ialah *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il*. Ia dihasilkan oleh Syekh Daud al-Fatani pada tahun 1254H/1838M dan diselesaikan pada tahun 1257H/1841M. Kitab ini adalah karya besar beliau dalam bidang perundangan dan pemikiran Islam yang pernah didapati di Mekah sejak tahun 1880an lagi. Dalam bahasa Inggeris, *Furu' al-Masa'il* diterjemahkan sebagai '*branches of religious issues*'.

Manuskrip asal kitab ini boleh didapati di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia yang disenaraikan sebanyak 22 katalog. Sementara dalam versi cetakan yang terawal, kitab ini mempunyai pelbagai versi cetakan, diantaranya termasuklah cetakan al-Taraq al-Majdiyyah al-'Uthmaniyyah al-Ka'inah Makkah al-Mahmiyyah (1302H/ 1885M); cetakan Matba'ah al-Misriyyah al-Mahmiyyah di Kampung Dandiriyyah Muhammad Affandi Mustafa (1307H/1889M); dan cetakan Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir (1348H/1929M).

Pada masa sekarang, versi cetakan kitab yang masih diulang-cetak, dijual di pasaran dan digunakan di institusi pengajian tradisional terutamanya di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Patani Thailand, adalah versi cetakan Matba'ah Bin Halabi, Patani Thailand<sup>2</sup> yang menggunakan versi cetakan Matba'ah Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, Mesir.

---

<sup>2</sup> Berdasarkan versi cetakan ini, kitab *Furu' al-Masa'il* memuatkan pelbagai tajuk, yaitu jilid pertama mengandungi tajuk *Tawhid (Usul al-Din)* (hlm. 2-14), *Fiqh al-'Ibadat* dan *Taharat*

Kitab *Furu' al-Masa'il* yang digunakan adalah versi cetakan Matba'ah Bin Halabi, Patani Thailand dan dirujuk khusus pada tajuk *Kitab al-Qirad*. Tajuk *al-Qirad (al-Mudarabah)* merupakan tajuk ke 20 daripada 28 tajuk mu'amalat. Ia terletak antara perbincangan tajuk *Kitab al-Syuf'ah* dan *Bab al-Musaqah*. Ia mempunyai empat halaman (halaman 107-110), dengan 124 baris (selepas ini perkataan baris akan ditulis 'b.) dan mengandungi 10 set soalan-jawaban.

### Definisi dan Konsep Mudarabah (Qirad)

Dalam *Furu' al-Masa'il*, Syeikh Daud menggunakan istilah *qirad* yang diertikan sebagai 'bahagi untung'.<sup>3</sup> Beliau tidak menggunakan istilah *mudarabah*. Dalam hal ini, istilah *mudarabah* berasal daripada perkataan *al-darb* yang sama ertinya dengan *al-safar* yang membawa maksud perjalanan yang jauh, iaitu perjalanan untuk tujuan perniagaan dalam usaha mencari rezeki yang halal. Sementara istilah *qirad* berasal daripada perkataan *al-qard* yang membawa erti memotong iaitu pemilik harta memotong sebahagian daripada hartanya dan diserahkan kepada pihak pengusaha untuk diperniagakan dan memotong sebahagian daripada keuntungan untuk diserahkan kepada pihak pengusaha. Kedua-dua perkataan ini merujuk kepada konsep yang sama, tetapi dari sudut penggunaan, istilah *mudarabah* biasa dipakai oleh penduduk Iraq, sementara istilah *qirad* pula biasa dipakai oleh penduduk Hijaz.<sup>4</sup>

Dalam mazhab Syafi'i, kedua-dua istilah ini diterimapakai, di mana al-Imam al-Syafi'i menggunakan istilah *al-mudarabah* dalam kitabnya, *al-Umm*.<sup>5</sup>

---

(hlm.15-184), Zakat (hlm.184-211), Puasa (hlm.211-222), *I'tikaf* (hlm.222-225), Haji dan Umrah (hlm.225-260), Qurban (hlm. 260-267), Makanan (hlm. 267-271), dan Pemburuan dan Sembelihan (hlm. 271-274), dan jilid kedua mengandungi tajuk *Fiqh al-Mu'amalat* (hlm. 2-134), *Fara'id* (hlm. 134-149), Wasiat (hlm.149-161), Perkahwinan (hlm.161-294), Jenayah (hlm.295-332), Jihad (hlm. 335-345), Perlumbaan dan Memanah (hlm. 345-347), Sumpah (hlm. 347-356), *Kaffarah* (hlm. 356-357), Nazar (hlm. 357-360), *Qada'* (hlm. 360-370), Persaksian dan Keterangan (hlm. 370-379), dan Memerdekakan Hamba (hlm. 379-388). Daud bin 'Abdullah al-Fatani, *Furu' al-Masa'il*, Jilid 1 dan 2, (Patani: Matba'ah Bin Halabi, t.t).

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 107, Jilid 2.

<sup>4</sup> Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf al-Fayruzabadi al-Syirazi, *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*, juz 2, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), hlm. 226; Abu al-'Abbas Syihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami, *Fath al-Jawad bi Syarh al-Irsyad*, jilid 1, (Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1971), hlm. 570; Muhammad bin al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jilid 2, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997), hlm. 399.

<sup>5</sup> Muhammad bin Idris al-Syafi'i, *al-Umm*, jilid 7, (Beirut: Dar al-Fikr, t.t), hlm. 113.

Manakala al-Muzani menggunakan istilah *al-qirad*.<sup>6</sup> Sementara al-Nawawi pula menggunakan kedua-dua istilah ini bagi merujuk maksud dan konsep yang sama.<sup>7</sup> Oleh itu, dalam mazhab al-Syafi'i, kedua-dua istilah ini boleh dirumuskan sebagai pemilik harta menyerahkan hartanya kepada pihak pengusaha untuk diperniagakan dan keuntungan perniagaan itu dibahagi antara mereka berdua.<sup>8</sup>

Dalam konteks tulisan ini, istilah yang digunakan adalah *mudarabah* bagi merujuk pemberian modal oleh satu pihak kepada pihak lain sebagai pengusaha supaya diperniagakan dengan pembahagian keuntungan mengikut nisbah yang dipersetujui. Jika berlaku kerugian, ia ditanggung oleh pihak pemodal sahaja.<sup>9</sup> Modus operandi akad *mudarabah* ditunjukkan dalam Skema 1.

#### Skema 1: Modus Operandi Akad *al-Mudarabah*


---

<sup>6</sup> al-Muzani, "Mukhtasar", dalam al-Syafi'i, *al-Umm, Ibid.*, hlm. 121.

<sup>7</sup> Abu Zakariyya Mahy al-Din bin Syarf al-Nawawi, *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab li al-Syirazi*, tahqiq Muhammad Najib al-Muti'i, jilid15, (Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t), hlm. 139; lihat juga al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, juz 4, (Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub, 2003), hlm. 197.

<sup>8</sup> al-Nawawi, *Op. Cit.*, hlm. 358; al-Nawawi, *Op. Cit.*, hlm. 197; al-Nawawi, *Op. Cit.*, hlm. 300; al-Khatib al-Syarbini, *Op. Cit.*, hlm. 399; Syams al-Din bin Muhammad bin Abi al-'Abbas al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj 'ala Syarh al-Minhaj*, juz 5, Taherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1967), hlm. 220; Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya al-Razi, *Hulliyat al-Fuqaha'*, tahqiq 'Abd Allah al-Muhsin al-Turki, (Beirut: al-Syarikat al-Muttahidah, 1983), hlm. 147.

<sup>9</sup> *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, (Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, 1998), hlm. 90; Mohd Daud Bakar "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Syariah*, jilid 5, bil 2, 1997, hlm. 210; Nor Mohamed Yakcob, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996), hlm. 76-77; Abd Basir Mohamad *et. al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), hlm. 62.



### Rukun dan Syarat Mudarabah

Dalam *Furu' al-Masa'il*, Syeikh Daud tidak menyatakan secara langsung mengenai rukun-rukun akad *mudarabah*. Beliau menumpukan perbincangan kepada huraian mengenai syarat-syarat bagi rukun-rukun tersebut.

Dalam hubungan ini, apabila dirujuk perbincangan dalam mazhab al-Syafi'i mengenai tajuk *mudarabah* atau *qirad*, umpamanya al-Nawawi dan al-Khatib al-Syarbini menyatakan terdapat lima rukun *mudarabah* yang terdiri daripada harta (*al-mal*), usaha atau kerja (*al-'amal*), keuntungan (*al-ribh*), *sighah* dan dua pihak yang berakad (*al-'aqidan*).<sup>10</sup> Rukun *mudarabah* yang lima ini juga difahami oleh fuqaha' al-Syafi'i yang lain seperti al-Ghazali, sebagai enam rukun di mana

<sup>10</sup> al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin, Op. Cit.*, hlm. 197-206; al-Khatib al-Syarbini *Op. Cit.*, hlm. 399. Manakala dalam kitab *al-Fiqh al-Manhaji* menyebut bahawa terdapat tiga rukun akad *mudarabah* yaitu *sighah*, *'aqidan* dan *ra's al-mal*, Mustafa Rib al-Bugha, *et. al, al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, jilid 3, (Damsyik: Dar al-Qalam, 1996), hlm. 232.

rukun yang kelima itu dibahagi kepada dua iaitu pemodal (*sahib al-mal*) dan pengusaha (*al-‘amil*).<sup>11</sup>

Dalam hal ini, perbincangan Syeikh Daud juga menyentuh mengenai syarat-syarat bagi keenam-enam rukun ini sebagaimana berikut:

### 1. Syarat Bagi Harta atau Modal Mudarabah

Menurut Syeikh Daud, sesuatu harta atau modal *mudarabah* hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagaimana dirumuskan seperti berikut:

- a. hendaklah dari jenis harta dirham (emas) atau dinar (perak). Oleh itu, ia tidak sah sekiranya dari jenis emas urai, pakaian, dan emas *kipal*;<sup>12</sup>
- b. hendaklah harta modal itu diketahui (*maktum*) kadar, jenis dan sifatnya. Oleh itu, ia tidak sah sekiranya tidak diketahui (*majhul*) kadar dan jenisnya. Ia tetap tidak sah sekalipun diketahui pada majlis akad;<sup>13</sup>
- c. hendaklah harta itu tertentu. Oleh itu tidak sah sekiranya tidak tertentu, umpamanya dikata: “salah satu harta daripada dua harta”. Namun, sekiranya diakad *mudarabah* dengan seribu pada tanggungannya, kemudian ditentukan seribu pada majlis,<sup>14</sup> maka sah akadnya.<sup>15</sup> Bagi harta *dhimmah* (harta dalam

---

<sup>11</sup> Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Al-Wasit fi al-Madhhab*, jilid 4, (Kaherah: Dar al-Salam, 1997), hlm. 105-115.

<sup>12</sup> Kipal bermaksud *compact, solid, in lumps*. Manakala emas kipal merujuk kepada *gold in (natural) lumps bullion*. William Marsden, *A Dictionary of the Malayan Language, in Two Parts: Malayan and English, and English and Malayan*, Part 2, (London: Cox and Baylis, 1812), hlm. 279. Syeikh Daud juga menjelaskan bahawa bejana yang bercampur seperti tembaga dengan perak, tidak sah dibuat modal *mudarabah* walaupun laku dengan diketahui kadar nisbah campurannya. Sekiranya campuran itu hilang, hendaklah ia diakadkan semula. Begitu juga tidak sah dibuat modal *mudarabah* sekiranya dari jenis mata benda sama ada ia *mithli* atau *mutaqawwim*. Daud bin ‘Abdullah al-Fatani, *Op. Cit.*, hlm. 107, bil 23-28.

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Umpamanya seperti dikata: “Saya akad *mudarabah* kan kamu salah satu daripada dua bekas ini”, maka pada majlis akad ditentukan bekas tersebut, maka sah akad *mudarabah*nya. *Ibid.*, hlm. 108, bil 5-6.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm 107, bil 30-32. Dalam kasus seperti sekiranya pemodal menerima seribu daripada pihak lain, dalam masa yang sama dia mempunyai dua ribu iaitu seribu padanya dan seribu lagi pada *dhimmah* pengusaha. Pemodal berkata: “Saya akad *mudarabah*kan kamu seribu daripada dua ribu (tunai pada tangan pemodal) dan seribu lagi pada *dhimmah* kamu (pengusaha), manakala seribu lagi saya akad secara *musyarakah* dengan kamu”.

tanggungan) boleh menjadi harta *mudarabah*, iaitu sama ada pada tanggungan pihak pengusaha atau pada tanggungan pihak lain;<sup>16</sup>

- d. harta modal *mudarabah* hendaklah diserahkan sepenuhnya kepada pengusaha tanpa campurtangan pemodal dalam penggunaannya.<sup>17</sup>

Keempat-empat syarat di atas adalah selari dengan perbincangan syarat bagi harta *mudarabah* oleh al-Ghazali dalam *al-Wasit fi al-Madhhab* yang boleh disimpulkan kepada empat iaitu mata uang, diketahui kadarnya, tertentu dan boleh serah.<sup>18</sup>

## 2. Syarat Bagi Spesifikasi Usaha/Kerja Akad Mudarabah

Dalam syarat bagi spesifikasi usaha atau kerja bagi akad *mudarabah*, Syeikh Daud menjelaskan bahawa terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi sebagaimana dirumuskan seperti berikut:

- a. hendaklah dari jenis bidang kemahiran bagi pengusaha, umpamanya berniaga. Oleh itu, akad *mudarabah* tidak sah sekiranya pemodal mensyaratkan pengusaha membuat kerja yang bukan bidang kemahirannya;<sup>19</sup>
- b. hendaklah bukan dari jenis aktiviti yang dilarang, umpamanya seperti aktiviti sorok barang;<sup>20</sup>
- c. hendaklah pengusaha bebas untuk mengurus niga tanpa syarat yang mengikat, umpamanya seperti pemodal menentukan barang yang beli, atau membeli

---

<sup>16</sup> Umpamanya seperti terdapat hartanya pada seseorang berjumlah seribu hutangnya, kemudian dia berkata: “Saya akad *mudarabahkan* pada kamu akan hutang saya yang tanggungan si anu sebanyak seribu itu. Maka ambilkannya untuk buat modal berniaga dengan nisbah keuntungan setengah seorang.” Ataupun seumpama tanggungan pengusaha, seperti empunya hutang berkata kepada yang berhutang: “Saya akad *mudarabahkan* kamu atas jumlah yang kamu hutang”. Dalam kedua-dua situasi ini dikira sah akad *mudarabahnya*. *Ibid.*, hlm. 107, bil 32-35 dan hlm. 108, bil 1-2.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 108, bil. 7-11.

<sup>18</sup> al-Ghazali, *Op. Cit.*, hlm. 105-108.

<sup>19</sup> Umpamanya seperti pengusaha disuruh membeli gandum kemudian disuruh menggiling dan membuat roti, yaitu dari jenis kemahiran, sedangkan jenis bidang kerjanya adalah berniaga. Sepatutnya bidang kerja yang dibuatnya adalah dari jenis berniaga seperti aktiviti jual beli termasuklah menyukat, mengukur kain, dan melipatkan kain, selain daripada menerima dan memberi transaksi jualan kepada pembeli dan mengambil harga jualan, serta perbuatan seperti menimbang dagangan, memasukkan dan mengeluarkannya. *Ibid.*, hlm. 108, bil. 11-16.

<sup>20</sup> Syeikh Daud menjelaskan bahawa sekiranya diakad *mudarabah* itu pada aktiviti perniagaan seperti membeli gandum ketika harga murah untuk tujuan stok/simpanan, dan kemudian dijual ketika harga mahal, maka akad ini tidak sah. *Ibid.*, hlm. 108, bil 17-18.



barang yang sedikit jumlahnya, atau berurusan dengan orang tertentu sahaja;<sup>21</sup> hendaklah usaha atau kerja itu bebas daripada unsur penangguhan dari segi tempoh masa dan unsur *ta'liq* atau tertakluk dengan syarat tertentu.<sup>22</sup>

### 3. Syarat Bagi Perkongsian Keuntungan Akad Mudarabah

Menurut Syeikh Daud, perkongsian keuntungan daripada akad *mudarabah* adalah salah satu daripada rukun *mudarabah* yang enam. Dalam hal ini, beliau menyatakan bahawa terdapat syarat-syarat tertentu bagi perkongsian keuntungan sebagaimana dirumuskan berikut:

- a. hendaklah keuntungan itu dibahagikan antara pemodal dan pengusaha *mudarabah*. Oleh itu, akad *mudarabah* tidak sah sekiranya disyaratkan diberi pihak ketiga selain daripada keduanya walaupun suku daripada keuntungan;<sup>23</sup>
- b. keuntungan tidak boleh diserahkan kepada satu pihak sahaja iaitu kepada pemodal. Sekiranya ini berlaku, akad *mudarabah* menjadi fasad;<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Terdapat kekecualian yang dijelaskan oleh Syeikh Daud yang menyatakan sah akad *mudarabah* sekiranya pemodal meletakkan syarat supaya pengusaha berniaga menjadi *sayrafiy* iaitu pengurup wang (*money changers*) atau bertransaksi dengannya. *Ibid.*, hlm. 108, bil 18-20. Dalam hal ini, al-Zuhayli menyatakan bahawa terdapat dua jenis *mudarabah* iaitu *mutlaqah* dan *muqayyadah*. *Mudarabah mutlaqah* merujuk kepada pemodal yang mengatakan: “Saya serahkan harta ini kepada kamu sebagai *mudarabah* dengan keuntungan dibahagi antara kita satu perdua atau satu pertiga dan seumpamanya.” Manakala *mudarabah muqayyadah* pula merujuk kepada pemodal yang menyerahkan hartanya kepada pengusaha untuk diperniagakan di sesebuah negeri yang tertentu atau memperniagakan barang tertentu atau pada masa yang tertentu atau jangan dijual dan dibeli kecuali orang yang tertentu. Dua jenis yang terakhir iaitu “masa yang tertentu dan orang yang tertentu” adalah harus di sisi Abu Hanifah dan Ahmad, tetapi tidak harus di sisi Imam Malik dan Syafi’i. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, juz 4, (Damsyik: Dar al-Fikr, 1985), hlm. 840.

<sup>22</sup> Ini bermaksud urusan niaga hendaklah dilakukan secara langsung (*immediately*), tidak boleh dilakukan secara bertangguh sehingga tempoh yang lain seperti setahun akan datang. Namun, sekiranya diakad secara *mudarabah* untuk mengurus-niaga selama tempoh setahun, maka ia hanya sah untuk tempoh setahun sahaja. *Ibid.*, hlm. 108, bil 20-23.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 108, bil 23-26.

<sup>24</sup> *Ibid.*, hlm. 108, bil 26-27. Syeikh Daud menjelaskan bahawa: 1. sekiranya pemodal berkata: “Kamu ambil harta ini dibuat modal berjual-beli dan segala untungnya adalah hak kamu”, maka ia dianggap akad *mudarabah* yang sah; 2. atau berkata: “Kamu ambil harta ini untuk diperniagakan dan segala keuntungannya adalah milik saya”, maka dalam hal ini ia adalah dikira *bay' al-ida'* iaitu jual-beli barang, bukannya akad *mudarabah* dan tiada wajib diberi upah; 3. atau berkata: “Kamu ambil wang ini untuk modal perniagaan dan segalanya adalah hak kamu”, maka ia adalah termasuk kategori *hibah*, bukannya akad *mudarabah*; dan 4. atau berkata: “Kamu ambil harta ini untuk diperniagakan dan keuntungannya dibahagi setengah”, maka inilah disebut akad *mudarabah* yang lazim. *Ibid.*, hlm. 108, bil 28-32.

- c. hendaklah kaedah pembahagian keuntungan itu jelas dan tertentu. Umpamanya seperti setengah keuntungan adalah bagi pengusaha.<sup>25</sup>

#### 4. Syarat Bagi Sighah Akad Mudarabah

Akad *mudarabah* hendaklah mempunyai *sighah ijab* dan *qabul*. Contoh *sighah ijab* ialah: “Kamu ambil duit ini untuk modal perniagaan atau jual-beli, dan untungnya nanti dibahagi dua”, kemudian pengusaha menjawab: “Saya terima”, atau “Saya setuju”. Sekiranya dikata: “Kamu ambil duit ini buat modal perniagaan”, maka ia jadi akad *mudarabah* yang fasad.<sup>26</sup>

Dalam hal ini, sesuatu *sighah* akad *mudarabah* yang lengkap mengandungi dua elemen iaitu pertama, wujudnya modal untuk dibuat perniagaan, dan keduanya, wujudnya nisbah pembahagian keuntungan yang tertentu.

#### 5. Syarat Bagi Pemodal dan Pengusaha Mudarabah

Menurut Syeikh Daud, hubungan pengusaha dan pemodal dalam akad *mudarabah* adalah seumpama wakil dengan pihak yang mewakili. Oleh itu, akad *mudarabah* ini tidak sah sekiranya salah satu pihak mempunyai salah satu ciri berikut:<sup>27</sup>

- a. *mahjur ‘alayh*;<sup>28</sup>
- b. hamba yang diizinkan berniaga kecuali *mudarabah*; atau
- c. pengusaha itu buta matanya.<sup>29</sup>

---

<sup>25</sup> Oleh itu, akad *mudarabah* menjadi fasad sekiranya kadar keuntungan dibahagikan secara bersekutu (berkongsi); atau diagihkan dengan bahagian yang besar atau suku; ditanggungkan setengah seorang, atau diagih sebanyak tiga bahagian tanpa ditentukan siapa yang mendapat hak dua pertiga dan hak satu pertiga. Sekiranya diagihkan keuntungan sebanyak sepuluh sama ada untuk pemodal atau pengusaha, maka akad *mudarabah* ini adalah tidak sah, kerana boleh jadi kadar untung hanya sepuluh sahaja yaitu untuk satu pihak sahaja. Dalam hal ini, ia menyalahi akad *mudarabah* yang dipersetujui. *Ibid.*, hlm. 108, bil 26-35 dan hlm. 109, bil 1-3.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 109, bil 3-6.

<sup>27</sup> *Ibid.*, hlm. 109, bil 6-11.

<sup>28</sup> Pihak yang *mahjur* kerana muflis adalah tidak sah menjadi pemodal dalam akad *mudarabah*, tetapi dikira sah sekiranya menjadi pengusaha. *Ibid.*, hlm. 109, bil 11-12.

Akad *mudarabah* dikira sah sekiranya pemodal yang buta tetapi bukan pada harta yang tertentu, dan pengusaha pula tidak boleh menerima harta tersebut. Oleh itu, dalam hal ini, pemodal yang buta hendaklah berwakil kepada pada orang lain yang boleh melihat. *Ibid.*, hlm. 109, bil 9-11.

Syeikh Daud juga menjelaskan bahawa sesuatu akad *mudarabah* adalah sah sekiranya terdapat dua orang pemodal dan seorang pengusaha. Dalam hal ini, pengagihan keuntungan adalah mengikut nisbah yang telah dipersetujui semasa akad.<sup>30</sup>

Dalam kes akad *mudarabah* yang fasad, pihak pengusaha masih dibenarkan mengurus niaga dengannya kerana izinnnya masih berkekalan padanya.<sup>31</sup>

Perbincangan mengenai syarat-syarat bagi rukun *mudarabah* di atas adalah selari dengan perbahasan fuqaha' al-Syafi'i yang muktabar seperti al-Nawawi dalam karya-karyanya seperti *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*,<sup>32</sup> dan *Rawdat al-Talibin*.<sup>33</sup> Perbincangan yang sama juga boleh didapati dalam al-Ghazali dalam *al-Wasit fi al-Madhdhab*.<sup>34</sup> Perkara yang sama juga boleh didapati dalam al-Zuhayli dalam *al-Fiqh al-Islami* dan Mustafa al-Khin *et al.* dalam *al-Fiqh al-Manhaji*. Butiran lanjut dtunjukkan dalam jadual 1.

### **Jadual 1** **Perbandingan Penulisan Mengenai Syarat-syarat bagi Rukun *Mudarabah*** **Dalam Fuqaha' al-Syafi'i<sup>35</sup>**

---

<sup>29</sup> Akad *mudarabah* dikira sah sekiranya pemodal yang buta tetapi bukan pada harta yang tertentu, dan pengusaha pula tidak boleh menerima harta tersebut. Oleh itu, dalam hal ini, pemodal yang buta hendaklah berwakil kepada pada orang lain yang boleh melihat. *Ibid.*, hlm. 109, bil 9-11.

<sup>30</sup> *Ibid.*, hlm. 109, bil 12-13.

<sup>31</sup> Sekiranya *mudarabah* yang fasad berpunca daripada pihak yang berakad tidak cukup kelayakan, maka tidak sah mengurus niaga dengannya. Dalam hal ini, semua keuntungan atau kerugian adalah hak pemodal, dan dia hendaklah memberi upah atau ganjaran secara *mithil* (sepadan) sekalipun tidak menjana keuntungan. Ini kerana pihak pengusaha melakukan kerja tersebut kerana adanya upah, melainkan apabila dikata: "Saya bahagi keuntungan iaitu segala untung adalah bagi saya", dan pengusaha tidak mendapat bahagian apa pun daripada keuntungan termasuklah upah. *Ibid.*, hlm. 109, bil 13-18.

<sup>32</sup> al-Nawawi, *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab li al-Syirazi*, *Op. Cit.*, hlm. 140-142.

<sup>33</sup> al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, *Op. Cit.*, hlm. 197-200.

<sup>34</sup> al-Ghazali, *Op. Cit.*, hlm. 105-108.

<sup>35</sup> Akad *mudarabah* dikira sah sekiranya pemodal yang buta tetapi bukan pada harta yang tertentu, dan pengusaha pula tidak boleh menerima harta tersebut. Oleh itu, dalam hal ini, pemodal yang buta hendaklah berwakil kepada pada orang lain yang boleh melihat. *Ibid.*, hlm. 109, bil 9-11. Sekiranya ada keizinan, dia boleh mengurus niaga secara bertanggung dengan syarat mempunyai saksi. Sekiranya tidak ada saksi, maka dia tidak boleh mengurus niaga secara bertanggung. Dalam hal ini, dia wajib *daman*. *Ibid.*, hlm. 109, bil 20-22. Pengusaha hendaklah mengembalikannya jika ada 'ayb barang dagangan itu bagi miliknya dan pemodal boleh mengembalikan kepada penjual jika ada 'ayb barang dagangannya bagi penjual. *Ibid.*, hlm. 109, bil 23-24. Tegahan tersebut termasuklah seperti membeli melebihi daripada harta *mudarabah* melainkan dengan keizinan pemodal; membeli dengan bukan jenis hartanya; menjualnya dengan harga sepadan iaitu tidak menjana keuntungan; membeli hamba yang menjadi merdeka atas sebab pembeliannya; membawa

Nama Kitab	Rukun <i>Mudarabah</i>				
	1. Harta	2. Kerja	3. Untung	4. <i>Sighah</i>	5&6. Pemodal/ Pengusaha
1. <i>al-Wasit</i> (al-Ghazali)	h.106-108	h.108-110	h.111-113	h.114	h.115
2. <i>al-Majmu'</i> (al-Nawawi)	h.143-146	h.146-155	x	h.155	h.156-157
3. <i>Rawdat al-Talibin</i> (al-Nawawi)	h.196-200	h.200-202	h.202-204	h.204	h.204-206
4. <i>al-Fiqh al-Islami</i> (al-Zuhayli)	h.843-848	X	h.848-851	x	h.853-868
5. <i>al-Fiqh al-Manhaji</i> (Mustafa <i>et al.</i> )	h.233	X	x	h.232	h.232

### Tanggung Jawab Pengusaha *Mudarabah*

Salah satu elemen utama dalam akad *mudarabah* ialah menjana keuntungan. Oleh sebab itu, pengusaha bagi akad *mudarabah* mempunyai beberapa tanggungjawab bagi memastikan perniagaan *mudarabah* dapat menjana keuntungan. Dalam hal ini, Syeikh Daud telah menjelaskan mengenai tanggungjawab tersebut sebagaimana dirumuskan seperti berikut:<sup>36</sup>

1. Pengusaha berjual dengan keuntungan dan mengelakkan daripada mendapat kerugian yang teruk.

---

musafir barang dagangan walaupun kadar jarak yang dekat dan perjalanan yang aman sekiranya tanpa keizinan pemodal; mencampur harta *mudarabah* dengan hartanya; dan memakan daripada harta itu sama ada ketika musafir atau tidak musafir. *Ibid.*, hlm. 109, bil 24-31. *Zawa'id* adalah nilai tambah daripada barang dagangan yang bukan atas sebab perniagaan, umpamanya seperti tanaman yang mengeluarkan buah-buah atau anak-anak benih, ternakan seperti kambing atau lembu yang beranak, hamba perempuan yang mendapat upah bekerja atau mendapat mahar sebab *diwati'*. Semua ini adalah hak pemodal, dan pengusaha tidak boleh berkongsi padanya, kerana ia bukan untung perniagaan. *Ibid.*, hlm. 109, bil 31-34.

<sup>36</sup> Akad *mudarabah* dikira sah sekiranya pemodal yang buta tetapi bukan pada harta yang tertentu, dan pengusaha pula tidak boleh menerima harta tersebut. Oleh itu, dalam hal ini, pemodal yang buta hendaklah berwakil kepada pada orang lain yang boleh melihat. *Ibid.*, hlm. 109, bil 9-11.

2. Pengusaha tidak boleh berjual secara bertanggung sekiranya tidak ada keizinan daripada pemodal.<sup>37</sup>
3. Pengusaha boleh mengurus niaga secara bertukaran (*mu'awadah*) walaupun tanpa izin pemodal.<sup>38</sup>
4. Pengusaha hendaklah memastikan tidak terlibat dengan aktiviti larangan atau tegahan dalam akad *mudarabah*.<sup>39</sup>
5. Pengusaha hendaklah menyerahkan *zawa'id* daripada modal *mudarabah*.<sup>40</sup>
6. Pengusaha boleh menggunakan perolehan keuntungan bagi menampung harta *mudarabah* yang menyusut nilainya kerana harga turun, atau sebab 'ayb seperti sakit, atau sebahagian harta tersebut binasa atas sebab tertentu seperti kebakaran atau tenggelam.<sup>41</sup>

### **Pembatalan Akad Mudarabah**

Menurut Syeikh Daud, akad *mudarabah* boleh dibatalkan atas sebab-sebab yang tertentu sebagaimana dirumuskan seperti berikut:

---

<sup>37</sup> Sekiranya ada keizinan, dia boleh mengurus niaga secara bertanggung dengan syarat mempunyai saksi. Sekiranya tidak ada saksi, maka dia tidak boleh mengurus niaga secara bertanggung. Dalam hal ini, dia wajib *daman*. *Ibid.*, hlm. 109, bil 20-22.

<sup>38</sup> Pengusaha hendaklah mengembalikannya jika ada 'ayb barang dagangan itu bagi miliknya dan pemodal boleh mengembalikan kepada penjual jika ada 'ayb barang dagangannya bagi penjual. *Ibid.*, hlm. 109, bil 23-24.

Tegahan tersebut termasuklah seperti membeli melebihi daripada harta *mudarabah* melainkan dengan keizinan pemodal; membeli dengan bukan jenis hartanya; menjualnya dengan harga sepadan iaitu tidak menjana keuntungan; membeli hamba yang menjadi merdeka atas sebab pembeliannya; membawa musafir barang dagangan walaupun kadar jarak yang dekat dan perjalanan yang aman sekiranya tanpa keizinan pemodal; mencampur harta *mudarabah* dengan hartanya; dan memakan daripada harta itu sama ada ketika musafir atau tidak musafir. *Ibid.*, hlm. 109, bil 24-31.

<sup>39</sup> Tegahan tersebut termasuklah seperti membeli melebihi daripada harta *mudarabah* melainkan dengan keizinan pemodal; membeli dengan bukan jenis hartanya; menjualnya dengan harga sepadan iaitu tidak menjana keuntungan; membeli hamba yang menjadi merdeka atas sebab pembeliannya; membawa musafir barang dagangan walaupun kadar jarak yang dekat dan perjalanan yang aman sekiranya tanpa keizinan pemodal; mencampur harta *mudarabah* dengan hartanya; dan memakan daripada harta itu sama ada ketika musafir atau tidak musafir. *Ibid.*, hlm. 109, bil 24-31.

<sup>40</sup> *Zawa'id* adalah nilai tambah daripada barang dagangan yang bukan atas sebab perniagaan, umpamanya seperti tanaman yang mengeluarkan buah-buah atau anak-anak benih, ternakan seperti kambing atau lembu yang beranak, hamba perempuan yang mendapat upah bekerja atau mendapat mahar sebab *diwati*'. Semua ini adalah hak pemodal, dan pengusaha tidak boleh berkongsi padanya, kerana ia bukan untung perniagaan. *Ibid.*, hlm. 109, bil 31-34.

<sup>41</sup> *Ibid.*, hlm. 110, bil 4-6.

1. Akad *mudarabah* dikelaskan dalam kategori akad *ja'iz*. Oleh itu, ia boleh dibatalkan sama ada daripada kedua pihak atau salah satu pihak walaupun pihak satu lagi itu ghaib sekalipun.<sup>42</sup>
2. Pembatalan akad *mudarabah* boleh berpunca daripada harta modal, umpamanya seperti pemodal memerdekakan hamba perempuan yang menjadi harta *mudarabah*, hamba perempuan itu diwati' lalu bunting, pemodal menuntut kembali harta *mudarabah*, atau pengusaha ditegah daripada mengurus niaga pada harta *mudarabah*.<sup>43</sup>
3. Sekiranya pemodal menjual harta *mudarabah*, tindakan ini tidak membatalkan akad *mudarabah* dan pengusaha boleh mengurus-niaga akan harta *mudarabah* walaupun sudah dibatalkan oleh pemodal sekalipun, dengan harapan dapat menjanakan keuntungan seperti sudah hampir dengan pekan atau ada pihak lain yang berminat membelinya.
4. Akad *mudarabah* terbatal apabila salah seorang 'aqidan mati atau gila atau pitam.<sup>44</sup>

### **Tuntutan Balik Harta Modal Mudarabah**

Dalam *Furu' al-Masa'il*, Syeikh Daud juga menjelaskan mengenai pemodal yang menuntut kembali harta modalnya. Dalam hal, terdapat beberapa tatacara yang perlu dipatuhi sebagaimana dirumuskan seperti berikut:<sup>45</sup>

1. Pengusaha hendaklah mengembalikan harta pemodal iaitu 'ayn modal jika masih ada, atau dengan matawang jika bukan jenis harta asal modal.
2. Dakwaan pengusaha diterima apabila menyatakan tiada untung perniagaan berserta sumpahnya, atau dikatanya tidak ada untung perniagaan kecuali untuk bahagiannya.
3. Pengusaha yang membuat dua pembelian di mana satunya secara *mudarabah*, dan satu lagi atas tanggungannya sendiri, maka dalam hal ini,

---

<sup>42</sup> *Ibid.*, hlm. 110, bil. 7-8.

<sup>43</sup> *Ibid.*, hlm. 110, bil 9-10.

<sup>44</sup> Pengusaha boleh menyempurnakan urusan niaga jual-beli tersebut selepas daripada kematian pemodal. *Ibid.*, hlm. 110, bil 13-14.

<sup>45</sup> *Ibid.*, hlm. 112, bil 14-30.

dakwaan pengusaha diterima dengan sumpahnya. Dakwaan pengusaha juga diterima apabila berlainan pada jenis atau kadar modal harta *mudarabah* kerana dia adalah orang kepercayaan.

4. Sekiranya berubah-ubah dakwaan pengusaha mengenai kehilangan harta *mudarabah*, umpamanya pengusaha mendakwa harta *mudarabah* binasa, kemudian mengaku masih ada, kemudian mendakwa telah binasa, maka dalam hal ini, dakwaannya diterima dengan sumpahnya.
5. Dakwaan pengusaha diterima apabila menyatakan harta *mudarabah* telah dikembalikan kepada pemodal dengan sumpahnya sebagaimana ia sama dengan hukum hukum *wakalah*.
6. Sekiranya berlaku tidak sependapat pada kaedah pembahagian keuntungan, dalam hal ini, kedua pihak hendaklah bersumpah. Kemudian semua keuntungan diserahkan kepada pemodal, dan pemodal wajib memberi kepada pengusaha dengan upah yang sepadan.
7. Dakwaan pengusaha mengenai status untung dan rugi perniagaan adalah diterima kerana dia adalah orang kepercayaan, iaitudibenarkan kata-katanya pada untung-rugi dan kadar banyak modal harta. Dia tidak dikenakan *daman* jika binasa modal harta dengan tiada kecuaiian. Begitu juga jika dipersoalkan dakwaannya yang menyatakan tiada keuntungan bahkan kerugian, atau dipersoalkan dengan keuntungan jika binasa setengah dengan kebinasaan yang *samawiyah* seperti terbakar, tenggelam, hamba yang melukakan orang, kesukaran mengambil gantinya, kecurian, atau dirampas penyamun.

## Penutup

Perbincangan terdahulu memberi gambaran mengenai konsep *mudarabah* menurut Syeikh Daud al-Fatani sebagaimana yang dibincangkan dalam kitab *Furu' al-Masa'il* adalah dalam ruang lingkup perbincangan *fiqh al-Syafi'i*. Ia dapat dilihat dengan jelas menerusi perbincangan mengenai definisi dan kefahaman mengenai konsep *mudarabah*, di samping membincangkan mengenai syarat-syarat bagi enam rukun *mudarabah*. Selain itu, tajuk mengenai pembatalan

akad *mudarabah* dan tuntutan balik harta modal *mudarabah* juga dibincangkan. Tajuk-tajuk ini dihuraikan dengan terperinci.

Kekuatan yang ada pada pandangan Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furu' al-Masa'il* ini menerusi perbincangan tajuk *mudarabah* ini adalah berpaksikan kepada sumber-sumber rujukan mazhab al-Syafi'i yang muktabar, selain daripada kaedah penulisan yang sistematik. Sudah tentu sumbangan berharga dan warisan penulisan beliau yang lengkap ini yang telah sekian lama wujud sejak pertengahan abad ke 19M lagi tidak dipersia-siakan sejak zaman ke zaman. Bahkan penulisan beliau mengenai konsep *mudarabah* ini khasnya dan kitab *Furu' al-Masa'il* amnya adalah masih lagi relevan dan praktikal serta mampu menjadi asas yang kukuh dalam memenuhi setiap tahap keperluan manusia tanpa mengira tempat dari dulu, kini dan akan datang.

### **Bibliografi**

- Abd Basir Mohamad *et. al.*, *Kamus Ekonomi Islam: Perniagaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2010.
- Al-Muzani, "Mukhtasar", dalam al-Syafi'i, *al-Umm*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.
- Abu al-'Abbas Syihab al-Din Ibn Hajar al-Haytami, *Fath al-Jawad bi Syarh al-Irsyad*, jilid 1, Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1971.
- Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya al-Razi, *Hulliyat al-Fuqaha'*, tahqiq 'Abd Allah al-Muhsin al-Turki, Beirut: al-Syarikat al-Muttahidah, 1983.
- Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali bin Yusuf al-Fayruzabadi al-Syirazi, *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*, juz 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Abu Zakariyya Mahy al-Din bin Syarif al-Nawawi, *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab li al-Syirazi*, tahqiq Muhammad Najib al-Muti'i, jilid 15, Jeddah: Maktabah al-Irsyad, t.t..
- Abu Zakariyya Mahy al-Din al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, juz 4, cet. khas, Arab Saudi: Dar 'Alim al-Kutub, 2003.



- Abu Zakariyya Mahy al-Din al-Nawawi, *Minhaj al-Talibin wa 'Umdat al-Muftin*, Arab Saudi: Dar al-Minhaj, 2005.
- Daud bin 'Abdullah al-Fatani, *Furu' al-Masa'il*, jilid 1 dan 2, Patani: Matba'ah Bin Halabi, t.t.
- Hadenan Towpek, "Kaedah Penulisan Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani Dalam *Furu' Al-Masa'il* Dengan Tumpuan Kepada *Rubu' Al-Mu'amalat*", *The 6<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011)*, pada 11-12 Oktober 2011, anjuran ISDEV, USM, Pulau Pinang, 7h, 2011.
- Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training, 1998.
- Mohd Daud Bakar, "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Syariah*, jilid 5, bil 2, 1997.
- Muhammad bin al-Khatib al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jilid 2, Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997.
- Muhammad bin Idris al-Syafi'i, *al-Umm*, jilid 7, Dar al-Fikr, t.t.
- Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Al-Wasit fi al-Madhhab*, jilid 4, Kaherah: Dar al-Salam, 1997.
- Mustafa Rib al-Bugha *et al.*, *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, Damsyik: Dar al-Qalam & Beirut: al-Dar al-Syamiyyah, 1996.
- Nor Mohamed Yakcob, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 1996.
- Syams al-Din bin Muhammad bin Abi al-'Abbas al-Ramli, *Nihayat al-Muhtaj 'ala Syarh al-Minhaj*, juz 5, Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh, 1967.
- Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Damsyik: Dar al-Fikr, 1985.
- William Marsden, *A Dictionary of the Malayan Language, in Two Parts: Malayan and English, and English and Malayan*, Part 2, London: Cox and Baylis, 1812.